

ALLAHUAKBAR ALLAHUAKBAR ALLAHUAKBAR

Qalam

Majalah bulanan Melayu terbit tiap-tiap awal bulan Masihi.

Bilangan 12 - Syawal 1370 - Julai 1951 - \$1.00

Selamat Hari Raya dan Setahun Qalam

Allahuakhbar, Allahuakhbar, Allahuakhbar, Lailahaila Allah, Allahu

Akhbar, Allahuakhbar Walillah ilhamd - Di dalam gema takbir

yang bergemuruh hari ini dengan inayah dan taufik Allah di dalam hari yang baik penyudah daripada bulan yang baik penamat daripada bulan yang diberkati Tuhan di dalamnya kita mengucapkan Selamat Hari Raya kepada sekalian pembaca-pembaca, pelanggan-pelanggan dan peiklan-peiklan yang telah menggemari Qalam dari semasa ke semasa yang genap usianya hari ini setahun.

Di dalam bilangan yang akan datang maka majalah kita ini akan masuk melangkah dalam tahunnya yang kedua yang kita berharap mudah-mudahan Qalam akan dapat lagi menyempurnakan kehendak-kehendak pembaca bagi memberikan apa jua daya upayanya terutamanya pada meninggikan syiar Islam, syiar agama yang tidak akan kunjung padam walaupun ia dicuba-cuba oleh sebahagian anasir-anasir untuk memadamkannya.

Allahuakhbar! Kita sekarang bukannya sahaja melihat tetapi telah menghadapi berbagai-bagai kejadian yang mengacum kepada keselamatan agama kita. Kita telah melihat dengan mata kepala kita akan gerak langkah anasir-anasir itu untuk memesongkan orang-orang kita daripada ajaran-ajaran agama supaya masuk ke dalam

lembah kesesatan. Kasihkan kepada mata benda semata-mata dengan tidak sedikit pun menginsafi kepada ajaran-ajaran yang ditunjukkan oleh Rasul kita yang mulia Muhammad Bin Abdullah Sallallahu Alaihi Wasalam.

Kita, beberapa lamanya kedudukan kita dijadikan permainan. Ulama-ulama kita dijadikan perkakas untuk mempengaruhi jiwa-jiwa orang kita supaya mempercayai khurafat-khurafat yang diada-adakan di dalam agama; ulama-ulama kita menghidupkan dari semasa ke semasa masalah furu' agama dengan meninggalkan usul-usulnya yang sudah tentu kesan-kesannya membawa perpecahan di dalam ukhwh Islam pada hal perpecahan itu telah diberi amaran oleh Allah akan membawa kelemahan kepada kita dan jika kita lemah sudah tentulah dengan mudah anasir-anasir yang bercita-cita meruntuhkan Islam itu akan lebih besar langkah-langkahnya dengan menggunakan pula orang-orang kita yang jahil jadi perkakas bagi menghilangkan semangat dan roh kita menjadi khalifah dibumi Allah sebagaimana yang telah ditunjukkannya itu.

Allahuakhbar! Di dalam tanah air kita semenjak setahun yang lampau ini, jika tidak semuanya, sebahagian besarnya orang-orang kita telah melihat bagaimana kita telah dijadikan perkakas menyampaikan cita-cita kebangsaan yang haram mengikut agama, yang kesudahannya kita, di hadapan pintu rumah kita, telah berdiri suatu merbahaya yang besar yang akan meleburkan kita ke dalam lingkungan yang kita tidak kehendaki yang di dalamnya bekerja kepada cita-cita itu orang yang pada sesuatu masa, tatkala menghendaki tenaga kita berjanji tidak akan khianat kepada bangsa Melayu dan agama Islam tetapi akhirnya kita menghadapi sesuatu peristiwa yang tidak disangka-sangka oleh kerana kita telah tertipu percaya kepada janji-janji yang diberikan kepada kita.

Allahuakhbar! Adakah kita telah insaf kepada apa yang telah terjadi itu dan adakah kita telah cukup cemburu kepada tiap-tiap langkah yang dihadapakan kepada kita? Jawapan atas perkara ini terpulang kepada masing-masing orang-orang kita. Kita wajib ingat bahawa tidak ada sesuatu keselamatan bagi kita melainkan kita berbalik kepada ajaran-ajaran yang dibawa oleh Rasul kita yang mulia bagi menjadi panduan hidup kita. Kita janganlah hendaknya percaya kepada mulut manis kepada mereka yang telah mentopengkan agama yang bermuka-muka dalam perkara agama tatkala mereka menghendaki tenaga kita. Kita sudah sampai masanya menghendaki persatuan diantara kita kerana dengan bersatu itu kita akan mendapat kejayaan. Ulama-ulama hendaklah maju ke tengah menutup kitab-kitabnya daripada di mutalaah dan amalkanlah segala pengetahuan itu untuk memimpin umat ke tengah mendirikan hak mutlak mereka di dalam negeri tempat tumpah darah mereka. Tunjukkanlah kepada umat bahawa ulama itu bukannya tukang fatwa tetapi tukang amal yang bekerja menyampaikan amanah-amanah Rasul Allah bagi memimpin umat kepada jalan kebahagiaan dunia yang bermakna juga kepada kebahagiaan akhirat.

Allahuakhbar! keadaan-keadaan di sekeliling kita hari ini, dengan tidak dapat disembunyikan lagi adalah menghendaki berdirinya sebuah pertubuhan agama yang luas yang tidak akan terpengaruh oleh sesuatu anasir yang menjadikan kita perkakas untuk menyampaikan cita-cita dan tujuan mereka. Tidak dapat dinafikan adanya cita-cita yang mulia ini yang asasnya ialah bersandar kepada pengajaran Al-Quran dan al-Hadis yang merapatkan ukhwah di antara kita sesama kita dan menanamkan perasaan di dalam jiwa kita dan kehidupan kita bahawa orang mukmin dengan orang mukmin itu bersaudara yang jika sakit seseorang nescaya merasa sakit yang lainnya.

Tidak ada satu jalan yang lain yang akan dapat menyelamatkan kedudukan umat Melayu yang beragama Islam hari ini

selain daripada bertubuhnya sebuah pertubuhan Islam di negeri ini kerana walaupun ada pertubuhan Melayu yang telah ada tetapi tidaklah ia dapat menyampaikan cita-cita dan maksud yang dikehendaki oleh orang-orang Melayu dan Islam kerana kita melihat sendiri bahawa "pemimpin" pertubuhan itu menurut segi dan pandangan agama tidak boleh kita mempercayainya dengan sebab nampak bukti-buktinya yang terang dan nyata dari semasa ke semasa akan harus memupuskan hak-hak agama di negeri ini dengan kemahuan mereka itu.

Allahuakhbar! Mudah-mudahan di dalam gelora yang sedemikian ini hebatnya dihadapi oleh umat Melayu yang beragama Islam sekarang, majulah hendaknya ke tengah seorang hamba Allah yang kasihkan agama tampil mengorbankan tenaga dan kebolehannya membela agama Allah, membela pengajaran Islam supaya jangan dipermudah-mudahkan dan dikecil-kecilkan. Yang demikian ini sangat mustahak dan sangat-sangat dikehendaki kerana kalau kita perhati dengan saksama bahawa rancangan pelajaran yang telah ditaja, jika tidak tepat, adalah akan membawa suatu rangka mengambil hak beragama di Persekutuan Tanah Melayu di dalam mana telah diwar-warkan supaya pengajaran agama itu disambil-sambilkan di dalam sekolah-sekolah Melayu pada hal kehendak umat yang yang kasihkan agamanya menghendaki supaya pelajaran agama itu diluaskan lagi daripada yang ada supaya mengikuti kehendak agama yang diakui hak-haknya di dalam negeri ini.

Langkah ini adalah, menurut pandangan kita, jika luas akan menjadi sebagai suatu langkah yang pertama untuk dengan perlahan-perlahan mengambil hak-hak agama daripada tangan orang-orang Melayu yang apabila nanti berlaku suatu perintah persekutuan yang konon-kononya atas tujuan "berkerajaan sendiri di Malaya" itu hak-hak agama itu akan dicabut dan dengan demikian maka hapuslah agama orang-orang Melayu di dalam negeri ini dan sebab itulah mustahak ada suatu tubuh daripada orang-orang

(sambungan pada muka 65)

Muhammad Ibrahim, Klang, bertanya yang siapakah yang mengetahui Majlis-majlis Mesyuarat Negeri dalam Malaya ini?

Jawab : Dalam negeri-negeri Melayu Majlis-majlis Mesyuarat Undangan diketuai oleh menteri besar, dalam negeri-negeri Settlement diketuai oleh Residen Commissioner dan majlis Mesyuarat persekutuan diketuai tuan persuruhjaya tinggi. Majlis perundangan Raja-raja Melayu diketuai oleh Seorang daripada raja-raja itu mengikut giliran.

Majlis mesyuarat undangan Singapura diketuai Tuan Gabenor.

-----*-----*-----

Abdullah, K. Lumpur, bertanya bolehkah ia tak payah memakai gelaran haji apabila ia menunaikan fardhu haji kelak.

Jawab : Tidak ada sesiapa yang menyuruh seseorang itu mesti memakai gelaran haji apabila ia telah menunaikan fardhu hajinya dan tidak pula ada sesiapa melarang seseorang itu jangan memakai gelaran itu.

(sambungan daripada muka 4)

Islam yang menghalusi tujuan dan cita-cita yang bakal mengambil hak agama itu yang nampaknya sekarang sedang ditapakan dari setapak ke setapak.

Allahuakhbar! Insaflah wahai kaum Muslimin. Ambillah perasaan dan fikiran yang tenang untuk merenung apa yang telah berlaku di sekeliling kita dan setelah memikirkan itu mudah-mudahan di dalam Eid al-Mubarak ini dapatlah kita insaf bagaimana mustahak adanya sebuah pertubuhan yang berdasarkan Islam untuk menghidupkan ukhwh di antara kita sesama kita untuk mempertahankan hak dan milik kita dengan jalan yang halal daripada dirampas atau diambil oleh orang lain dari sedikit ke sedikit. Demi sesungguhnya membiarkan apa-apa yang terjadi dengan menyerahkan kepada takdir semata-mata itu adalah suatu perbuatan yang terkutuk dan dikutuk; dan demi sesungguhnya sesiapa daripada ulama yang tidak mahu menanggung mashul atas kejatuhan umat hari ini maka jagalah oleh tuan-tuan balasan Allah yang pedih nanti di hari kemudian.

Allahuakhbar! Mudah-mudahan seruan yang kita datangkan di dalam Eid al-Mubarak ini akan mendapat sambutan dan keinsafan kita sekaliannya - amin !

*Allahuakhbar, Allahuakhbar, Allahuakhbar, Laillahailallah
Allahuakhbar, Allahuakhbar, Wa lillah al-Hamd.*

Selamat Hari Raya

Air wangi bunga tanjung telah terkenal hampir-hampir 15 tahun lamanya dengan tetap mendapat kegemaran di mana-mana. Ia disukai dan digemari

Kita sedia menjual pati-pati minyak wangi. Botol-botol kosong, label dan sebagainya berkenaan minyak wangi.

Beruruslah dengan :-



KAZURA Co.,

**755, NORTH BRIDGE ROAD,
SINGAPORE 7.
PHONE No. 82164**

Insyah-Allah tuan-tuan akan berpuashati.

**SELAMAT HARI RAYA
AL-BAHASHWAN BROS
735, NORTH BRIDGE RD., S'PORE.**

Sedia menjual kain-kain batik, pelikat,
kain-kain tenun Malaya dan Terengganu
serta minyak atar dan lainnya.

Berutuslah dengan kita.